

GARIS PANDUAN BAGI SYARIKAT PENGENDALIAN PELANCONGAN YANG BEROPERASI DI BAWAH SISTEM FRANCAIS

- 1) **Syarat-Syarat Permohonan :**
Syarikat pengendalian pelancongan **baru** yang ingin menjalankan perniagaan secara Francais perlu memohon lesen **secara terus** tanpa terikat dengan Francaisor.
- 2) Ahli Lembaga Pengarah di syarikat perniagaan pelancongan (Francais) **adalah dibenarkan** menjadi Ahli Lembaga Pengarah di syarikat pelancongan (Francais) yang lain dengan syarat masih **terikat dengan perjanjian Francais**.
- 3) Nama syarikat **pemegang lesen** perlulah **lebih jelas/prominent** dan nama Francaisor **dibenarkan** diletakkan bersekali.

Agensi Pelancongan

(Nama Francaisor) —————> **CAULIFLOWER**

Francais dimiliki dan dikendalikan oleh XYZ Travel Sdn Bhd (KPL 0070)

- 4) Sesebuah Syarikat Francais **dibenarkan** untuk menjual/pindah milik kepada pihak ketiga **dengan syarat masih terikat** di bawah Perjanjian Francais dan tertakluk kepada Akta Francais 1998.
- 5) Sebarang perubahan lokasi atau struktur syarikat perlu **memaklumkan** kepada Kementerian dalam **tempoh 14 hari selepas** perubahan dibuat.
- 6) Keluasan ruang pejabat bagi lesen perniagaan pengendalian pelancongan di bawah sistem Francais adalah minimum **400 kps (ibu Pejabat)** dan **250 kps (cawangan)**.